

Sampah hanyir hilang selera makan

Oleh Md Fuzi Abd Lateh
mdfuzi@bharian.com.my

Kontraktor dilantik DBKL tak angkut sisa pepejal ikut jadual

Berita HARIAN 24/10/2010 M/S 7

BATU CAVES: Busuk dan meloyakan. Timbunan sampah yang dibuang penduduk Pangsapuri Seri Batu dekat sini dalam rumah sampah umpama 'pekasam' apabila gagal dipungut kontraktor dilantik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Penduduk mendakwa sampah yang banyak itu menyebabkan persekitaran kediaman mereka berbau hanyir sehingga hilang selera makan.

Tinjauan *Sentral* mendapati pengurusan bangunan pangsapuri ini menyediakan dua rumah khas menyimpan sampah yang perlu dipungut pihak bertanggungjawab setiap minggu.

Seorang penduduk, Mohamad Abu Bakar, berkata walaupun persatuan penduduk sering mengemukakan masalah itu kepada pihak berwajib tetapi tindakan mereka bagaikan sia-sia belaka.

Katanya, sejak dua bulan lalu jadual pungutan sampah berkala di kawasan itu tidak lagi dipatuhi kontraktor dilantik



TIMBUNAN sampah yang tidak dipungut kontraktor mengikut jadual menyusahkan penduduk pangsapuri Seri Batu.

DBKL menyebabkan penduduk menanggung masalah.

"Setiap hari kami berdepan dengan masalah pencemaran bau yang cukup menyakitkan hati. Sampah dibuang dalam rumah di sini sudah berulat kerana tidak diurus dengan sempurna.

"Penduduk membayar wang penyelenggaraan bangunan setiap bulan tetapi gagal mendapat perkhidmatan terbaik memuaskan hati mereka," katanya.

Beliau berkata, kini kontraktor datang mengambil sampah di

situ hanyalah dua kali seminggu tetapi tidak berjadual sempurna.

Abd Hanif Murad, berkata penduduk merayu agar satu tindakan drastik dilakukan DBKL dengan melakukan pemantauan kerap terhadap syarikat yang

dilantik itu.

Katanya, tidak perlu menunggu aduan rasmi penduduk tetapi bertindak segera menguruskan masalah sampah di taman perumahan mereka.

"Kami gembira kerana ada rumah khas untuk membuang sampah dibina pemaju. Namun, tindakan seterusnya adalah kerja memungut sampah perlu dijalankan mengikut jadual ditetapkan," katanya.

Suri rumah, Kalsom Marjunit, 47, berkata masalah semakin rumit ketika musim hujan kerana busuk semakin kuat dirasakan mereka.

Katanya, terdapat juga tindakan kurang bertanggungjawab penduduk yang membuang sampah di luar kawasan ditetapkan menyebabkan masalah sampah bertaburan atas jalan.

"Kehadiran anjing dan kucing turut mengundang masalah kerana sampah diselelongkar. Keadaan menjadi bertambah kotor dan menyukarkan usaha pungutan sampah," katanya.

MD FUZI ABD LATEH | BERITA HARIAN